



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM

4 JUN 2026 BERSAMAAN 18 ZULHIJAH 1447H (KHAMIS) 11.45 PAGI
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM



**DULI YANG TERAMAT MULIA TENGKU AMIR SHAH
IBNI SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ**

**D.K., S.P.M.S., S.S.I.S., S.P.M.K.
RAJA MUDA SELANGOR**



Bendera Peribadi
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor




Lambang Peribadi
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor

LAGU NEGERI SELANGOR

DULI YANG MAHA MULIA

ANDANTE MAESTOSO



DU L YANG MA HA MUL A SE LA MAT DI A
A TAS TAKHTA AL LAH LANJUTKAN USIA TUANKU RAK
YAT MOHON RESTU BAWAH DULI TUAN KU BA HAG A SE
LAMA LAMANYA A MAN DAN SENTOSA DULI YANG MAHA MULIA

Duli Yang Maha Mulia
Selamat Di Atas Takhta
Allah Lanjutkan Usia Tuanku
Rakyat Mohon Restu
Bawah Duli Tuanku
Bahagia Selama-lamanya
Aman Dan Sentosa
Duli Yang Maha Mulia

(Saiful Bahri, S.M.S.)

Prakata
**PENGARAH PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR**

PRAKATA

PENGARAH PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SELANGOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan inayah-Nya, Majlis Perasmian Bangunan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, Selangor dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi pihak pentadbiran Jabatan Pendidikan Negeri Selangor (JPN Selangor), saya ingin merakamkan setinggi-tinggi menjunjung kasih ke hadapan Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj, di atas limpah perkenan berangkat mencemar duli bagi menyempurnakan perasmian kompleks ini. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia bukan sahaja memeriahkan majlis, malah menjadi suntikan semangat buat seluruh warga kerja perkhidmatan awam negeri.

JPN Selangor merupakan nadi utama dalam memperkukuh landskap pendidikan negeri. Pembinaan bangunan baharu ini mencerminkan komitmen serta pengiktirafan Kerajaan terhadap peranan strategik JPN Selangor sebagai agensi peneraju pendidikan yang memastikan kecemerlangan pengurusan sekolah, pembangunan bakat murid serta kualiti pendidikan negeri sentiasa berada pada tahap terbaik.



Besar harapan saya agar kemudahan ini menjadi pemangkin kepada peningkatan produktiviti dan inovasi. Semoga warga JPN Selangor terus komited dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang, profesional, dan berdaya saing demi kemakmuran Negeri Selangor Darul Ehsan.

Terima Kasih dan Salam Hormat
Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

YBHG. DATIN WAN NOR ASHIKIN BINTI ABU KASSIM

Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

Kata Alu-aluan
PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM

KATA ALU-ALUAN

PEGAWAI PENDIDIKAN DAERAH
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلامة عليكم ورحمة الله وبركاته

Segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas limpah rahmat dan izin-Nya, maka pada hari yang penuh bermakna ini, kita dapat bersama-sama meraikan Majlis Perasmian Bangunan Baharu Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, yang disempurnakan oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor pada 4 Jun 2026.

Sesungguhnya, pembinaan bangunan baharu ini melambangkan komitmen berterusan Kerajaan dan Kementerian Pendidikan dalam memperkukuh sistem penyampaian perkhidmatan pendidikan serta menyediakan persekitaran kerja yang lebih moden, kondusif dan efisien kepada seluruh warga Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam. Kemudahan ini diharapkan dapat menyokong usaha mempertingkatkan mutu penyampaian pendidikan serta memperkukuh jaringan kerjasama antara sekolah, komuniti dan pihak berkepentingan.

Bangunan ini bukan sekadar sebuah pusat pentadbiran, malah menjadi simbol iltizam, profesionalisme dan aspirasi kecemerlangan pendidikan daerah. Keberadaannya mencerminkan komitmen berterusan dalam memastikan pengurusan pendidikan yang lebih sistematik, responsif dan berkualiti demi melahirkan generasi yang berilmu, berakhlak serta berdaya saing sejajar dengan hasrat pendidikan negara.



Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan komitmen, kerjasama dan sokongan padu dalam menjayakan pembinaan serta penyempurnaan bangunan ini. Sesungguhnya, kejayaan ini merupakan hasil usaha kolektif pelbagai pihak yang sentiasa komited terhadap pembangunan pendidikan di daerah Sabak Bernam.

Akhir kata, semoga bangunan baharu ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pengurusan pendidikan daerah, memperkukuh mutu penyampaian perkhidmatan, serta menjadi lambang kebanggaan warga pendidikan dan masyarakat setempat untuk generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.


MARHANI BINTI M. HANIFF P.P.T

Pegawai Pendidikan Daerah
Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam

Atur Cara
**MAJLIS PERASMIAN BANGUNAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM**



Atur Cara

- 11.45 pagi : Ketibaan tetamu
- : Ketibaan tetamu kehormat
- 12.15 tengah hari : Keberangkatan tiba DYTМ Raja Muda Selangor dan YM Datin Paduka Seri
- : DYTМ Raja Muda Selangor berkenan untuk sesi bergambar
- : DYTМ Raja Muda Selangor berangkat ke lobi kaunter utama dan ruang menunggu Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam
- : Sembah taklimat oleh Pengarah JKR Negeri Selangor
- : DYTМ Raja Muda Selangor berkenan berangkat ke Arena Gemilang Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam
- : Nyanyian Lagu Negeri Selangor
- : Bacaan doa
- : Sembah ucapan alu-aluan oleh Pegawai Pendidikan Daerah Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam
- : Sembah ucapan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- : Sembah ucapan oleh YB Menteri Pendidikan
- : DYTМ Raja Muda Selangor berkenan lafaz perasmian bangunan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam
- : DYTМ Raja Muda Selangor berkenan menandatangani plak perasmian bangunan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam
- : Persembahan cenderamata
- : Keberangkatan balik DYTМ Raja Muda Selangor dan YM Datin Paduka Seri
- : Jamuan makan tengah hari
- : Majlis bersurai
- 
- 

Dari Aspirasi ke Realisasi
SEJARAH & EVOLUSI •
MAKLUMAT PROJEK •





“Sejarah & Evolusi”



*“Di sebalik sebuah institusi yang utuh,
tersimpan kisah tentang permulaan yang sederhana namun sarat dengan cita-cita.”*

Sejak penubuhannya pada tahun 1982, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Sabak Bernam telah menjadi tunjang pengurusan pendidikan di daerah ini, menggalas amanah besar dalam memperkukuh sistem pendidikan serta membentuk pembangunan modal insan generasi demi generasi. Pada peringkat awal operasinya, PPD Sabak Bernam berfungsi di Sekolah Kebangsaan Seri Makmur, Sungai Besar dengan berkongsi tiga blok bangunan sekolah. Dalam suasana yang serba sederhana, warga pendidikan ketika itu terus melaksanakan amanah dengan penuh dedikasi walaupun berhadapan pelbagai kekangan ruang dan kemudahan. Seiring pertambahan fungsi organisasi serta peningkatan perjawatan pegawai, keperluan terhadap ruang kerja yang lebih sistematik menjadi semakin mendesak. Infrastruktur sedia ada mula memperlihatkan pelbagai kekangan, manakala keadaan bangunan yang semakin uzur turut memberi kesan kepada kelancaran operasi harian. Namun demikian, segala cabaran ini tidak pernah mematahkan semangat warga PPD Sabak Bernam. Tahun 2013 menjadi titik penting apabila pejabat ini berpindah ke bangunan sementara di Lot 25 dan 27, Jalan Besar, Sabak sebagai langkah pengukuhan ke arah sebuah transformasi yang lebih besar. Penantian yang sekian lama akhirnya menemui noktah apabila pada tahun 2016, kelulusan pembinaan bangunan kekal PPD Sabak Bernam diumumkan, menandakan bermulanya sebuah realisasi terhadap aspirasi yang telah lama dipupuk.

Dan daripada tekad inilah, bermulanya perjalanan panjang menuju sebuah transformasi yang lebih besar.







“Sejarah & Evolusi”



“Setiap kejayaan hari ini ialah asas kepada kecemerlangan masa hadapan.”

Hari ini, PPD Sabak Bernam berdiri megah sebagai simbol kemajuan, iltizam dan komitmen berterusan terhadap kecemerlangan pendidikan. Persekitaran kerja yang lebih kondusif bukan sahaja meningkatkan produktiviti warga kerja, malah memperkukuh pengalaman pelanggan yang berurusan. Kehadiran bangunan baharu ini turut menjadi lambang kebanggaan warga pendidikan daerah, sekali gus memperlihatkan imej korporat yang lebih progresif dan diyakini. Daripada sebuah ruang yang serba sederhana kepada sebuah kompleks pentadbiran moden, perjalanan ini merupakan kisah tentang ketahanan, pengorbanan dan cita-cita yang tidak pernah terhenti. Dengan semangat yang sama, PPD Sabak Bernam akan terus melangkah ke hadapan, memperkasa pendidikan, memacu inovasi dan membina masa depan generasi yang lebih gemilang.

Kerana sesungguhnya, setiap aspirasi yang dipupuk dengan kesungguhan akan menemukan realisasinya.



MAKLUMAT PROJEK

Berikut adalah maklumat projek Bangunan Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam


Perkara	Butiran
Nama Projek	Pembinaan Bangunan Baharu Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam, Selangor dan Lain-lain Kemudahan
Pegawai Penguasa	Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya Sabak Bernam
Pelanggan	Kementerian Pendidikan
Tarikh Milik Tapak	21 Julai 2021
Tarikh Siap Asal	21 Januari 2025
Kos Projek Terlaras	RM 16,939,990.00
Kontraktor Utama	NEKAJATI SDN. BHD.



Visual Proyek

GAMBAR PERSPEKTIF •
MOMEN PENYERAHAN •

GAMBAR PERSPEKTIF



GAMBAR PERSPEKTIF





MOMEN PENYERAHAN



MOMEN PENYERAHAN





Demografi

Pejabat Pendidikan Daerah Sabak Bernam

ENROLMEN PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM

Perkara	Butiran	Jumlah
Pegawai & Kakitangan	Pegawai Pendidikan Daerah	1
	Timbalan Pegawai Pendidikan Daerah	4
	SIP+	2
	SISC+	9
	Penolong Pegawai Pendidikan Daerah	27
	Penolong Pegawai Tadbir	4
	Anggota Kumpulan Pelaksana	24
	Jumlah Keseluruhan	<u>71</u>

ENROLMEN GURU & KAKITANGAN SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH SABAK BERNAM

Perkara	Butiran	Jumlah
Guru & Kakitangan	Guru Sekolah Menengah	1189
	Guru Sekolah Rendah	1053
	Jumlah Keseluruhan	<u>2242</u>
	Kakitangan Sekolah Menengah	213
	Kakitangan Sekolah Rendah	185
	Jumlah Keseluruhan	<u>398</u>

Sumber rujukan: <https://emisonline.moe.gov.my/risalahmap/> (Data sehingga 30 April, 2026)


SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH SABAK BERNAM

Perkara	Butiran	Jumlah
Sekolah	Sekolah Kebangsaan (Sekolah Rendah)	34
	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina)	10
	Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil)	2
	Sekolah Menengah Harian (Sekolah Menengah Kebangsaan)	7
	Sekolah Model Khas Komprehensif (K11)	1
	Kolej Tingkatan Enam	1
	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama	1
	Sekolah Agama Menengah (Sekolah Agama Bantuan Kerajaan)	7
	Sekolah Berasrama Penuh Integrasi	1
	Jumlah Keseluruhan	<u>64</u>

ENROLMEN MURID SEKOLAH-SEKOLAH DAERAH SABAK BERNAM

Perkara	Butiran	Jumlah
Murid	Murid Sekolah Menengah	
	Lelaki	5440
	Perempuan	5718
	Murid Sekolah Rendah	
	Lelaki	4824
	Perempuan	4552
	Jumlah Keseluruhan	<u>20234</u>

Sumber rujukan: <https://emisonline.moe.gov.my/risalahmap/> (Data sehingga 30 April, 2026)




*Menjunjung Setinggi-Tinggi Kasih
Di Atas*

Keberangkatan Mencemar Duli

**Duli Yang Teramat Mulia Tengku Amir Shah
Ibni Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj
dan**

**YM Datin Paduka Seri Afzaa Fadini
binti Dato' Abdul Aziz**



A decorative border in a golden-brown color frames the page. It features ornate floral and leaf motifs at each of the four corners, connected by thin horizontal and vertical lines.

CATATAN



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM

PEJABAT PENDIDIKAN DAERAH SABAK BERNAM



ppdsabakbernam@moe.gov.my